

## Ke Arah Negara Islam Berperlembagaan di Malaysia

Oleh  
Mohd Rumaizuddin Ghazali  
USIM

### Abstrak

*Artikel ini memfokuskan mengenai sistem negara Islam semasa dengan menghuraikan takrif, ciri-ciri, pengkategorian, kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia, perkembangan proses pelaksanaan Islam di dalam negara. Penulis menghuraikan bahawa Perlembagaan Malaysia wujud hasil dari perundingan dan tolak ansur antara kaum-kaum di Malaya dan kemudiannya di Malaysia. Rakyat Malaysia harus menghormati perjanjian yang dicapai itu yang berasaskan kepada bertimbang rasa dan persahabatan antara kaum-kaum itu. Artikel ini membicarakan Malaysia sebagai sebagai sebuah negara Islam yang memerlukan komitmen semua pihak untuk mengisi dan menjayakannya.*

### Abstact

*This article focuses on the Islamic State system by clarifying the definition, characteristics, classification, the position of Islam in Malaysia as well as the development of the implementation process of the Islamic system in Malaysia. The author elucidates that the Malaysian Constitution has been promulgated from consultations and tolerance amongst major races in Malaya and subsequently Malaysia. It is imperative that the agreement based on mutual tolerance and solidarity of these major races be respected. This article discusses that Malaysia as an Islamic state requires commitment from all quarters to successfully implement and fulfill its aspiration.*

*Kata kunci: negara Islam, demokrasi, kedudukan non-muslim dan konsep majoriti*

## Mukadimah

Artikel ini memfokuskan mengenai sistem negara Islam semasa dengan menghuraikan takrif, ciri-ciri, pengkategorian, kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia, perkembangan proses pelaksanaan Islam di dalam negara. Penulis menghuraikan gagasan demokrasi Islam merupakan formula dalam merangka sistem politik Islam yang lebih dinamik.

## Negara dari Segi Bahasa dan Istilah

Dalam bahasa Arab, negara disebut sebagai *dawlah* atau *dar*. Para fuqaha menggunakan istilah *dār* manakala ulama semasa menggunakan istilah *dawlah*. Kedua-dua istilah ini adalah mempunyai maksud yang sama iaitu negara. *Dār* bermakna tempat, negara atau tanahair. Ia juga bermakna tempat. bagi orang yang tinggal di dalamnya (Ibn Manzur, t.t. 4:298).

*Dār* iaitu sebuah negara atau kawasan yang mempunyai penduduk dan kuasa memerintah; jika kuasa memerintah di tampuk orang Islam maka disebut negara Islam, jika di tampuk orang bukan Islam dinamakan negara Harb. Dalam al-Qur'an, terdapat kalimah '*dār*'. Firman Allah SWT dalam surah *al-Hasyr* ayat 9 :

وَالَّذِينَ تَبَوَّؤُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شَحْنًا نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

*“Dan orang-orang yang menetap di Kota Madinah (dar) dan telah beriman (Ansar) sebelum kedatangan orang Muhajirin, mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tiada menaruh keinginan dalam hati mereka untuk mendapat apa-apa dari orang muhajirin dan mereka mengutamakan orang-orang Muhajirin atas diri mereka walaupun mereka dalam keadaan susah. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga*

*serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”*

Maksud *dār* di sini ialah Madinah al-Munawarah. Ketika menafsirkan ayat ini, al-Qurtubī (m.671H) berkata, mereka yang dimaksudkan adalah golongan Ansar yang menetap di Madinah sebelum kedatangan golongan Muhajirin dan beriman kepada Allah dan Rasul-Nya (al-Qurtubi, 1988, 18:15). Ibn ‘Abidīn (M.1307H) menyebutkan bahawa maksud *dār* iaitu *الإقليم المختص بقهر ملك اسلام او كفر (sesuatu tempat yang di bawah milik kekuasaan sama ada dimiliki oleh orang Islam dan orang bukan Islam.)* (Ibn Abidin, 1966, 4:166) Para ahli perundangan memberi definisi negara iaitu,

عبارة عن مجموعة من الناس تقيم على وجه الدوام في إقليم معين ولها حاكم ونظام تخضع لهما وشخصية معنوية وإستقلال سياسي

Maksudnya : *Ungkapan yang merujuk kepada satu kelompok manusia yang menetap di suatu tempat atau kawasan tertentu dan mempunyai kerajaan serta peraturannya yang dipatuhi dan juga mempunyai personaliti dari segi maknawi dan kemerdekaan politik* (Ali Sadiq, t.t.:109)

Oleh itu, negara membawa erti sekumpulan manusia yang menetap dalam satu daerah tertentu yang diperintah oleh suatu badan pemerintahan yang mengelolakan urusan kenegaraan.

Makna negara Islam ialah negara yang terdiri dari masyarakat Islam dan ahli zimmi yang tunduk di bawah pemerintahan Islam dan segala urusan kenegaraan sama ada urusan dalam negeri atau antarabangsa bertetapan dengan syariat Islam (Ismail Lutfi, 1990: 22). Menegakkan negara Islam, mempunyai tiga perkara:

1. Tempat: iaitu bumi atau kawasan yang diduduki.
2. Penduduk atau bangsa yang tinggal di atas kawasan tersebut.
3. Kekuasaan yang tertegak peraturan serta undang-undang dan mempunyai pentadbiran kenegaraan (Ismail Lutfi, 1990:21).

Fuqaha telah membahagikan negara kepada dua bahagian iaitu: Negara Islam (*Dār al-Islām*) dan Negara Kafir (*'Dār al-Harb*). Golongan Zaidiah menambahkan satu lagi kategori negara, iaitu yang dinamakan negara fasik. Ulama semasa membahagikan kepada tiga bahagian iaitu ; a. Negara Islam b. Negara al-Harb c. Negara al-Ṣulh. Mengikut ulama fiqah, ada lima pembahagian negara iaitu ; a. Dār al-Islām b. Dār al-Harb c. Dār al-'Aqd (*Dar al-Ṣulh*) d. Dār al-Riddah e.. Dār al-Bughāt. Sesebuah negara tidak akan tertegak jika tidak mencukupi tiga syarat iaitu tempat, penduduk dan kekuasaan seperti di atas. Dalam mewujudkan sesebuah negara ketiga-tiga elemen itu diperlukan untuk memenuhi keperluan sebuah negara.

### Definisi Negara Islam

Para fuqaha tidak sependapat dalam memberi definisi yang tepat dalam menentukan negara Islam atau negara musuh. Perbezaan ini berlaku hasil daripada perbincangan ulama mengenai persoalan negara Islam itu berdasarkan kepada kedaulatan undang-undang atau berasaskan penduduk orang Islam.

*Dār al-Islām* (Negara Islam) iaitu negara yang melaksanakan undang-undang Islam dan kekuasaan serta ketenteraan milik orang Islam. Ia juga membawa erti wilayah yang bebas dan selamat bagi orang Islam (Abd Hamid Abu Sulayman, 1987:19). *Dār al-Harb* iaitu kawasan-kawasan bukan Islam yang bermusuhan dengan kaum muslimin dan merbahaya bagi kebebasan dan keselamatan umat Islam. Ia juga membawa erti negara yang menjalankan hukum bukan Islam dan kekuasaan milik orang kafir (Abd Hamid Abu Sulayman, 1987:19). Menurut Abū Yūsuf (m.181H) bahawa negara Islam ialah:

تعتبر الدار دار إسلام بظهور أحكام الإسلام فيها ، وان كان جل أهلها من الكفار ، تعتبر الدار دار كفر لظهور أحكام الكفر فيها ، وان كان أهلها من المسلمين

*Negara yang menjalankan hukum Islam walaupun dalam negara ada orang bukan Islam dan diiktibarkan sebagai negara harb jika undang-undang bukan Islam dijalankan walaupun yang menetap di dalam negara tersebut orang Islam (al-Sharkhasi, 1982:10:144)*

Sementara al-Rafi'i (m. 622H) dalam kitab *Fath al-Aziz* mengatakan tidak disyaratkan negara Islam itu majoriti penduduknya Islam tetapi memadai kekuasaan dipegang oleh orang Islam (Ismail Lutfi, 1990:31). Suatu negara dipandang sebagai negara Islam apabila dipimpin oleh seorang muslim. Pendapatnya ini didasarkan pada kenyataan yang pernah berkembang pada masanya, di mana seorang pemimpin berpengaruh dan menentukan keputusan-keputusan politik negara tersebut. Seorang pemimpin muslim yang memiliki komitmen kepada ajaran Islam tentu berusaha menjalankan nilai-nilai agama di dalam negara yang dipimpinnya.

'Abd al-Karim Zaydan dalam *Majmu'ah Buhūth Fiqhiyyah* mengatakan:

الدولة الإسلامية دولة فكرية قامت على اساس العقيدة الإسلامية ، وقانونها هو ما قام على هذه العقيدة او انبثق عنها من نظم وأفكار و أحكام، فهي اذن، ليست دولة إقليمية محدودة بالحدود الارضية ، ولا هي دولة عنصرية محدودة بحدود الجنس المعين، وانما هي كما قلنا دولة فكرية ، تؤهلها عقيدتها ان تكون دولة عالمية تضم مختلف الاجناس والأقوام إذ باستطاعة اي انسان ان يعتنق عقيدتها فيكون من رعايتها وحملة فكرتها وجنسينها

*Negara Islam itu ialah sebuah negara fikrah yang ditegakkan atas asas akidah Islam. Dengan akidah inilah lahirnya pelbagai idea, peraturan dan hukumnya. Lantaran itu, ia bukanlah sebuah negara yang terikat*

*dengan sesuatu iklim atau rupa bangsa. Keadaan ini melayakkannya menjadi sebuah negara antarabangsa yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kabilah dan kepada setiap manusia yang ingin berlindung di bawah fikrah dan peraturan-peraturannya (Abd al-Karim Zaydan, 1986: 61)*

Sayyid Qutb (m.1387H) dalam *Fī Zīlal al-Qur'an* (Di bawah Naungan al-Qur'an) ketika membicarakan persoalan ini berkata :

وتشمل دار الإسلام كل بلد تطبق فيه أحكام الإسلام وتحكمه شريعة الإسلام سواء كان أهلها كلهم مسلمين أو كان أهلها مسلمين وذميين، أو كان أهلها كلهم ذميين، ولكن حكاهم مسلمون يطبقون فيه أحكام الإسلام ويحكمونه شريعة الإسلام

*Negara Islam meliputi negara yang menjalankan undang-undang Islam serta berhubung dengan syariat Islam sama ada penduduknya semua muslim atau muslim dengan ahli zimmah atau kesemuanya ahli zimmah tetapi diperintah oleh orang Islam dan melaksanakan syariat Islam (Sayyid Qutb, 1982: 2:874)*

Al-Kasānī (m.587H) menyebutkan negara Islam ialah negara yang menjalankan undang-undang Islam. Beliau mengatakan bahawa tiada berselisih di kalangan para sahabat kami bahawa negara *harb* akan menjadi negara Islam apabila ia menjalankan undang-undang Islam. Teksnya seperti berikut:

معنى الدار من دار الإسلام ودار كفر لنعرف الأحكام التي تختلف باختلاف فهما ومعرفة ذلك مبينة على معرفة مابه نصبر الدار دار الإسلام أو دار كفر فنقول لا خلاف بين أصحابنا في أن دار الكفر تصير دار إسلام بظهور أحكام الإسلام فيها

(al-Kasani, 1986:7:130)

Ibn Hazm al-Zahiri (m. 456H) menyebutkan :

لان الدار إنما تنسب للغالب عليه والحاكم فيها والمالك لها

*(Sesuai negara itu dinisbahkan kepada majoriti penduduk, hukum-hukum yang dilaksanakan dan pemerintahannya.)*(Ibn Hazm, t.t.:11:200)

Ibn 'Arafah al-Dasuqi (m. 1239H) menyebutkan :

بلاد الإسلام لا تصير دار الحرب بمجرد استيلائهم عليها بل حتى تقطع إقامة شعائر الإسلام عنها واما دامت شعائر الإسلام أو غلبها قائمة فيها فلا تصير دار الحرب

*(Negara Islam tidak menjadi negara harb hanya semata-mata penguasaan ke atasnya sehinggalah hilangnya syiar Islam dalam negara tersebut. Selagimana syiar-syiar itu dapat dilaksanakan maka ia tidak menjadi negara harb.)* (al-Dasuqi, t.t., 2:188)

Berkata Ibn Qayyim (m.751H) bahawa kebanyakan ulama menyatakan bahawa negara Islam ialah negara yang diduduki oleh kaum muslimin dan menjalankan undang-undang Islam, jika tidak menjalankan undang-undang Islam maka bukanlah ia negara Islam (Ibn Qayyim,1997:1:177). Fuqaha telah bersepakat menyatakan negara Islam itu mestilah wujud kekuasaan politik pemerintahan di tangan orang Islam. Tidak mungkin orang bukan Islam hendak menjalankan undang-undang Islam walaupun ia membenarkan syiar Islam dijalankan.

Wahbah al-Zuhayli menyebutkan negara Islam sebagai :

هي البلاد التي تسود أحكام وشعائره ويأمن فيها المسلمون بمنعة وقوة لهم ويجب على المسلمين الدفاع عنها، واسترداد ما اغتصب من أجزائها، على سبيل الفرضية الكفائية، وان تحققت الحاجة، وان لم

تتحقق كان الجهاد فرض عين على كل مسلم، الاقرب فالاقرب ، حتى  
يعم الجهاد كل المسلمين

*setiap negara yang menjalankan hukum-hukum Islam dan syiarnya, memberi keamanan kepada orang-orang Islam serta kekuasaan dan kententeraan milik mereka. Wajib orang Islam mempertahankannya apabila ia diceroboh atas dasar fardu kifayah. Jika tidak tercapai juga ia merupakan fardu ain ke atas setiap orang Islam, sehingga meliputi jihad itu kepada seluruh orang Islam mengikut keutamaan (Wahbah al-Zuhayli, 1989: 104)*

Al-Mawdūdī (m. 1979M) mentakrifkan negara Islam ialah negara yang kuasa mutlaknya pada Allah SWT yang menentukan syariat, dan syariat itu dibawa oleh Nabi Muhammad. Ia sebuah negara yang bercorak *theo-democracy* yang tergabung di dalamnya autoriti mutlak pada Allah dan penyerahan autoriti yang terbatas kepada manusia dalam pelaksanaan urusan negara yang diakui oleh syarak (al-Mawdudi,2001:21, al-Mawdudi, 1990:158). Beliau juga menghuraikan prinsip-prinsip pemerintahan Islam seperti berikut:

1. Puncak segala kekuasaan adalah Allah yang Maha Berkuasa. Tidak seorang atau golongan pun di dalam sesuatu negara tersebut yang mengatasi undang-undang yang digubal.
2. Allah adalah pemberi hukum dalam erti kata yang sebenar. Pada-Nya terletak kekuasaan mutlak mengadakan undang-undang.
3. Pembentukan negara Islam mestilah diasaskan kepada undang-undang ciptaan Allah yang disampaikan oleh Allah melalui rasul-Nya. Justeru itu, pemerintahan Islam wajib melaksanakan undang-undang Islam.(Mawdudi, 2001:21)

Maksud negara Islam menurut al-Mawdudi ialah negara yang dibentuk berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah yang disampaikan oleh Allah melalui Rasulullah SAW. Kedua-dua sumber itu tadi berfungsi sebagai pembimbing negara yang dapat memberikan keadilan kepada rakyat. (al-Mawdudi, 2001:25). Menurut pandangan Abū Hanīfah, negara bukan Islam ialah negara yang ada tiga syarat iaitu:

- i. Kekuasaan dan ketenteraan tidak dipegang oleh orang Islam dan hukum bukan Islam tidak dilaksanakan di negeri tersebut.
- ii. Negeri itu tidak ada perhubungan langsung dengan orang Islam. Malah dari segi geografinya terhalang daripada negara Islam. Kalau kawasan bukan Islam itu ada hubungan dan dikelilingi oleh kawasan Islam ia bukannya *dar al-harb*.
- iii. Tidak ada di sana seorang Islam pun atau zimmi yang boleh hidup dalam keamanan sebagaimana keamanan Muslim awal dan pengikut-pengikutnya (Muhammad Abu Zahrah,t.t.:53).

Abū Hanīfah (m. 150H) membezakan negara Islam dengan negara musuh berdasarkan rasa keamanan yang dinikmati penduduknya. Apabila umat Islam merasa aman dan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaannya, maka negara tersebut termasuk dalam kategori negara Islam. Sebaliknya, jika tidak ada rasa aman untuk umat Islam, maka negara tersebut masuk kategori *dār al-harb* (Muhammad Abu Zahrah,t.t.:53).

Berdasarkan pandangan Abū Hanīfah ini, para fuqaha membuat kesimpulan bahawa terdapat dua pandangan tentang penafsiran negara Islam dan bukan Islam. Pandangan pertama, negara Islam diasaskan kepada perjalanan dan pelaksanaan syariat Islam. Kalau tidak ia bukannya negara Islam. Pandangan yang kedua berdasarkan majoriti penduduk Muslim dan keamanan negara tersebut. Pandangan yang kedua ini mengatakan bahawa negara Islam ialah negara yang berasaskan unsur majoriti penduduk Muslim dan keamanan sckalipun syariat Islam tidak dilaksanakan sepenuhnya di

negara tersebut. Ini merupakan pandangan sebahagian para fuqaha kini termasuk Muhammad Abū Zahrah (m.1394H). Walau bagaimanapun mereka mengatakan pelaksanaan Islam harus dilaksanakan dalam negara-negara Islam merupakan pendapat ijma' ulama. (Al-Kasani.1986:7:130, Muhamad Abu Zahrah.t.t.: 54-54, Ali Jarishah,1986: 209, Abdul Halim el-Muhamady,1992:4) Para fuqaha juga mensyaratkan dua asas yang penting dalam negara Islam iaitu melaksanakan undang-undang dan peraturan Islam serta adanya kekuasaan dan ketenteraan milik orang Islam.(Ismail Lutfi,1990:36)

Dari definisi yang telah diberikan oleh para ulama dapatlah dibuat kesimpulan bahawa negara Islam ialah negara yang kekuasaan dan ketenteraannya milik orang Islam, melaksanakan undang-undang Islam, orang Islam bebas mengamalkan ajaran agama tanpa gangguan, bebas mengeluarkan arahan, timbulnya suasana keamanan pada orang Islam dan orang bukan Islam tiada dapat menzahirkan syiar-syiar mereka kecuali dengan izin orang Islam. Mereka mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama sebagai warganegara dalam sebuah negara yang merdeka.

### **Adakah Malaysia sebuah Negara Islam?**

Menurut Abdul Halim El-Muhamady, takrif dan ciri-ciri negara Islam merupakan perkara yang tidak disepakati oleh para ulama dan tidak ada nas yang qat'i dalam perkara itu. Ulama tidak sepakat pendapat tentang ciri-ciri dalam menentukan identiti sebenar negara Islam. Justeru itu, persoalan ini termasuk dalam perkara ijtihad. Apabila ia termasuk dalam perkara ijtihad maka para ulama mempunyai ruang untuk memilih pendapat yang lebih sesuai dengan keperluan dan kepentingan umat. Pendapat Abū Hanīfah adalah lebih sesuai dipakai dalam suasana masa kini kerana dengan mengambil pendapat beliau dapat kita menentukan identiti negara Islam (Abdul Halim el-Muhamady.2000:6).

Menurut Abū Hanīfah, negara Islam ialah negara yang berasaskan majoriti penduduknya beragama Islam, pemimpin–pemimpin tertinggi Islam dan keamanan

yang dinikmati oleh rakyat (Abdul Halim el-Muhammady, 2000:6). Kenyataan ini disokong oleh ulama semasa seperti Yusuf al-Qaradawi, Wahbah al-Zuhaylī dan Muhammad Abū Zahrah. Ini bermakna bahawa garis penentu ciri-ciri negara Islam bukanlah bergantung kepada pelaksanaan hukum hudud-qisas semata-mata. Banyak perkara yang perlu diambil kira dalam menentukan ciri-ciri negara Islam moden. Berdasarkan kepada huraian tersebut, Abdul Halim Muhammady menyatakan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islam berdasarkan kepada majoriti penduduk Islam, keamanan yang dinikmati, pelaksanaan sebahagian besar undang-undang Islam dan kepimpinan negara dikuasai oleh orang Melayu Islam. Penerimaan negara ini sebagai sebuah negara Islam menimbulkan beberapa implikasi dalam kehidupan umat Islam :

1. Masyarakat Islam berhak menuntut pemerintah melaksanakan sepenuhnya kerana itu adalah tanggungjawabnya sebagai pemerintah Islam.
2. Masyarakat Islam dapat hidup dengan harmonis dan dapat berusaha meningkatkan produktiviti untuk kepentingan Islam kerana terdapat sikap baik sangka antara satu dengan yang lain.
3. Menimbulkan tanggungjawab yang lebih kepada masyarakat Islam untuk melaksanakan syariat Islam di mana saja mereka berada, kerana tidak dirasakan ada sesuatu yang bercanggah yang patut dielakkan dalam kehidupannya.
4. Membina sikap positif dan membuat kritikan yang membina untuk kepentingan Islam, serta berpartisipasi dalam memenuhi tuntutan Islam di mana saja ada kekurangan.
5. Setiap individu Islam berkewajipan membangunkan negara dan umatnya mengikut keupayaan masing-masing (Abdul Halim el-Muhammady,2000:6).

Dari sudut sejarahnya selepas kedatangan Islam dan pembentukan kerajaan Melaka yang bercorak keislaman, undang-undang Islam telah diperkenalkan seperti Kanun Melaka, Kanun Pahang dan lain-lain. Semasa penjajahan British, peranan undang-undang Islam diperkecilkan bidang

pelaksanaannya iaitu hanya undang-undang diri dan kekeluargaan dan terhad kepada orang-orang Islam sahaja. Walaupun begitu, penghayatan Islam seperti pendidikan agama dan kehidupan agama masih diberi ruang dan penghayatannya masih dapat dipertahankan. Sejak mencapai kemerdekaan, pembangunan Islam dalam semua aspek terus berlaku walaupun terdapat beberapa masalah dan sekatan akibat undang-undang yang ditinggalkan oleh penjajah dalam perlembagaan. Dalam bidang jenayah hanya undang-undang hudud yang ketara percanggahannya dan masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Manakala bidang jenayah membunuh atau mencederakan sebahagian daripada prinsip dan hukumnya tidak banyak berbeza dengan Islam. Demikian juga dalam hukum takzir, kesalahan-kesalahan maksiat. Dalam bidang muamalat, unsur riba yang ketara bercanggah dengan Islam tetapi dalam kebanyakan bidang lainnya tidak banyak percanggahan berlaku. Dalam bidang perkahwinan dan kekeluargaan, didapati undang-undang Islam dilaksanakan sepenuhnya. Dengan menerima negara ini sebagai sebuah negara Islam bukan bermakna ia telah selesai segala tuntutan. Kesempurnaannya perlu kepada pengisian, peningkatan ilmu dan penghayatan pada diri, masyarakat dan negara (Abdul Halim el-Muhammady,2000:6).

Dalam bidang ekonomi, Malaysia merupakan negara yang terkehadapan dalam memperkenalkan produk-produk kewangan Islam dengan penubuhan Bank Islam pada tahun 1983. Pada hari ini, Malaysia mempunyai dua bank Islam iaitu Bank Islam dan Bank Muamalat dan terdapat puluhan institusi kewangan konvensional yang menawarkan kemudahan perbankan Islam melalui lebih daripada 1000 cawangan di seluruh negara. Termasuk dalam bidang ini ialah sistem pajak gadai Islam, syarikat takaful dan syarikat broker saham yang beroperasi secara Islam. Sistem kewangan yang diamalkan ini berjaya dengan cemerlang dan peranan sarjana muslim dalam merangka sistem kewangan Islam moden dengan melakukan *tajribah* dan ijtihad bagi mengemukakan jalan penyelesaian yang boleh merealisasikan hukum Islam sekaligus menjauhkan masyarakat dari sistem-sistem Barat khususnya dalam isu riba. Perkara yang diutamakan ialah

isi, ruh dan nilai-nilai Islam dalam usaha mencapai tahap kesempurnaan dan ideal dalam bentuk baru (Mohamad Nor Yaacob, 1996: xi&54).

Di Malaysia, perkembangan pelaksanaan undang-undang Islam telah dijalankan sejak selepas merdeka dengan mengadakan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak. Usaha-usaha untuk menyelaraskan undang-undang di Mahkamah Syariah di seluruh negara perlu kepada reformasi yang lebih menyeluruh dan harmoni. Arah dan hala tuju yang perlu diambil bagi mempertingkatkan kefahaman kepada orang Islam dan bukan Islam perlu jelas dan berada dalam landasan yang betul. Perkembangan secara berperingkat adalah pendekatan yang harmonis dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia yang mempunyai latar belakang pendidikan dan sosial budaya yang berbagai-bagai dalam masyarakat majmuk dan arus globalisasi. Undang-Undang Islam merupakan undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia Barat. Ini diterima dan disahkan oleh hakim-hakim British yang dahulunya ada di Malaysia seperti Hakim Acton dan Hakim Thomas yang mengatakan hukum Islam ialah hukum negeri dan bukan hukum asing dan menjadi kewajipan mahkamah mengiktirafkan dan menggunakan undang-undang itu (Abdul Monir Yaacob, 2000:85).

Dalam konteks Perlembagaan Malaysia, walaupun masih banyak perkara yang bercanggah dengan undang-undang yang diluluskan sejak zaman penjajah tetapi usaha boleh diambil untuk meminda supaya ia selaras atau tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Para sarjana, ulama, ahli fikir dan umat Islam harus melihat dari segi positif terhadap penggubalan dan penafsiran perlembagaan itu untuk dijadikannya lebih dekat dengan Islam.

Prof. Tan Sri Datuk Ahmad bin Mohd. Ibrahim dalam kertas kerjanya bertajuk *Prinsip-Prinsip Perlembagaan Islam dalam Perlembagaan Malaysia* menyarankan kepada kita bahawa cara yang lebih baik ialah dengan memandang kepada Perlembagaan Malaysia itu secara positif dan menerimanya dan berusaha melaksanakannya supaya ia dapat menegakkan

prinsip-prinsip kerajaan Islam. Perlembagaan itu wujud hasil dari perundingan dan tolak ansur antara kaum-kaum di Malaya dan kemudiannya di Malaysia. Rakyat Malaysia harus menghormati perjanjian yang dicapai itu yang berasaskan kepada bertimbang rasa dan persahabatan antara kaum-kaum itu. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia harus berfikir dan bertindak secara positif dan menggunakan perlembagaan itu supaya menegakkan prinsip-prinsip kerajaan Islam dan pada masa yang sama mengambil kira kepentingan semua kaum dan bangsa di Malaysia (Ahmad Ibrahim, 1985).

Tan Sri Datuk Ahmad bin Mohd. Ibrahim juga menegaskan bahawa undang-undang Islam harus dikembalikan kepada tempatnya yang asal sebagai undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia kerana ia merupakan agama rasmi bagi Malaysia. Oleh itu, rakyat Malaysia tidak perlu merujuk kepada undang-undang Inggeris yang lapuk itu, tetapi bebas mencari undang-undang lain yang tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Suatu fasal hendaklah digubal dalam perlembagaan yang mengatakan bahawa mana-mana undang-undang di Malaysia yang bertentangan dengan undang-undang Islam, maka hendaklah undang-undang itu terbatal setakat mana ia bertentangan itu. Melalui dua cara ini bolehlah kita mengesahkan bahawa undang-undang di Malaysia sekurang-kurangnya tidak bertentangan dengan undang-undang Islam (Ahmad Ibrahim, 1988:14).

Orang Islam perlu menyakini bahawa undang-undang Islam itu adalah adil dan saksama kepada semua manusia dan alam sejagat. Mereka perlu menguatkan keimanan dan ketakwaan supaya menerima pelaksanaan syariat yang menjamin kepentingan manusia tanpa mengira pangkat dan kedudukannya. Pendidikan dan dakwah mengenai undang-undang Islam perlu diterangkan dengan jelas dan tepat agar masyarakat mengenali Islam dalam erti kata yang sebenarnya. Generasi muda terutama graduan undang-undang perlu mempelajari keseluruhan perkara dalam undang-undang Islam dan mengembangkannya dalam masyarakat. Ini bermakna kita harus menyiapkan diri kita sendiri untuk

menyerapkan undang-undang Islam dalam perundangan di Malaysia (Ahmad Ibrahim, 1988:15, Ahmad Ibrahim,1997:5).

Adalah menjadi tanggungjawab umat Islam untuk membina kesedaran masyarakat tentang penghayatan Islam terutama mengenai undang-undangnya. Ini boleh dilakukan menerusi saluran rasmi dan bukan rasmi, penerbitan buku dan sebagainya. Disamping itu, kesedaran kepada aliran pendidikan Barat mengenai undang-undang Islam perlu diperhebat dan dimantapkan lagi sementara kepada golongan tradisional dapat diatasi dengan meningkatkan pengalaman, kebolehan dan taraf (Ahmad Ibrahim,1988:17). Antara langkah-langkah yang perlu diambil untuk pelaksanaan undang-undang Islam ialah mewujudkan institusi kajian yang berautoriti, membina kesedaran masyarakat tentang kepentingan undang-undang Islam dan menggubal undang-undang Islam dalam bentuk akta dan status (Abd Halim El-Muhammady.2004:19).

Perlembagaan Malaysia telah mengiktirafkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dalam perkara 3 (1) yang menyebutkan Islam ialah agama Persekutuan. Perkara ini menjelaskan bahawa negara ini mempunyai agama dan anutan tertentu. Di samping itu memberi isyarat bahawa Islam menjadi tunjang kepada falsafah atau ideologi negara. Menurut Abdul Aziz Bari bahawa negara ini bukan sekular. Ini melihat kepada dokumen perlembagaan yang ada sekarang yang memperuntukkan mengenai Islam. Ini kerana negara sekular ialah negara yang tidak mahu dikaitkan dengan apa jua bentuk agama dan kerohanian. Walaupun peruntukan mengenai Islam yang ada tidak menjadikan perlembagaan atau negara ini Islam, peruntukan tersebut memberi beberapa kelebihan dan keistimewaan kepada Islam dan para penganutnya. Kedudukan Islam di dalam perlembagaan sebenarnya merupakan penerusan kedudukan yang keabsahannya berakar kepada sejarah. Ini kerana peruntukan tersebut telah sedia wujud di negeri-negeri Melayu, ia patut diteruskan di peringkat persekutuan (Abdul Aziz Bari. 2005:10-15). Di samping itu, perlembagaan tidak menyebutkan bahawa undang-undang syariah tidak boleh dilaksanakan.

Bagaimanapun oleh kerana undang-undang jenayah terkandung dalam Kanun Keseksaan dan ia adalah undang-undang umum yang terpakai kepada semua orang, maka dengan sendirinya undang-undang syariah diketepikan. Selain itu, bidang kuasa mahkamah syariah sebagaimana yang terkandung di dalam Akta Mahkamah Syariah 1965-adalah terbatas. Jadi yang menghalang pelaksanaan undang-undang syariah bukanlah Perkara 3(1) atau tafsirannya, tetapi statut-statut lain yang membataskan ruang lingkup hukum syariah (Abdul Aziz Bari, 2005:15). Malah dalam keadaan darurat, peruntukan undang-undang Islam tidak digantung. Perkara 150 (6A) melindungi hal-hal berhubung dengan Islam, walaupun di dalam keadaan darurat. Di samping kedudukan Yang Di-Pertuan Agong sebagai penjaga, pemelihara dan bertanggungjawab untuk melindungi dan memastikan kedudukan agama Islam tidak tercemar. Walaupun Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa kedudukan Islam dalam perlembagaan negara tidak bermaksud membuang sifat sekular perlembagaan dari negara ini dan Tun Salleh Abbas, bekas Ketua Hakim Negara pernah menyatakan kedudukan Islam dalam perlembagaan negara tidak dihasratkan untuk tujuan dijadikan kayu ukur yang boleh digunakan untuk mencabar kesahihan undang-undang kerana ia hanya terbatas kepada soal-soal upacara dan seumpamanya, namun tafsiran terhadap Perkara 3 tersebut dan peruntukan-peruntukan yang lain mengenai Islam tidak selamanya harus diserahkan kepada hakim-hakim mahkamah dan berdasarkan kes-kes duluan, kerana tafsiran mengenai Islam masih terbuka untuk ditafsirkan hakim-hakim terkemudian yang tidak semestinya tertakluk kepada niat atau tujuan undang-undang tersebut digubal pada peringkat awalnya, ia juga boleh ditafsirkan oleh para pakar dalam bidang pengajian Islam yang lebih memahami maksud "agama' sebagai *ad-din* itu sendiri. Jika perlu, perlembagaan tersebut juga boleh dipinda mana-mana bahagian yang perlu bagi memberi peluang yang lebih luas kepada umat Islam untuk membolehkan mereka menghayati tuntutan Islam dalam ruang yang lebih luas (Abdul Aziz Bari. 2005:19, Pawancheek Merican, 2006).

Razali Nawawi menyebutkan bahawa kenyataan yang mengatakan Malaysia bukan sebuah Negara Islam akan menimbulkan sekurang-kurangnya dua implikasi. Pertama, ini bermakna berundur selangkah ke belakang dan merubah perjuangan bukan untuk melaksanakan hukum Islam tetapi mewujudkan Negara Islam. Kedua, negara bukan Islam tidak bertanggungjawab lagi untuk melaksanakan hukum Islam. Tetapi jika dikatakan Malaysia Negara Islam maka ia bertanggungjawab melaksanakan hukum Islam dan menerapkannya ke dalam kerangka undang-undang yang ada (Razali Nawawi, 1992:48).

Ijtimak Ulama SeMalaysia yang telah diadakan pada 21-23 September 1985 anjuran YADIM telah membuat keputusan bahawa takrif negara Islam ialah 'negara yang terletak kekuasaannya di tangan orang Islam dan rakyatnya menikmati keamanan dan keselamatan'. Untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam perhimpunan ulama tersebut meminta kerajaan supaya mengambil perhatian berat di atas perkara-perkara berikut :

- i. Pengisian terhadap ajaran dan kehendak Islam di Malaysia perlu diperkembangkan dan dipertingkatkan melalui proses *tadarruj*, berjalan secara tabi'i dan berhikmah.
- ii. Aspek perundangan kehakiman dan pentadbiran boleh diperkukuhkan dari semasa ke semasa mengikut kehendak Islam melalui kerjasama dan nasihat para cerdik pandai dan ulama.
- iii. Ijtihad di dalam Islam tidak tertutup. Hukum-hukum yang tidak ada pada zaman dahulu patut dibuat ijtihad supaya umat Islam tidak keliru.
- iv. Kerajaan hendaklah mengambil kira pendapat ulama mengenai pelaksanaan projek yang menyentuh kepentingan rakyat terutama yang ada hubungan dengan Islam.
- v. Menubuhkan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pakar-pakar Islam untuk menyemak perundangan yang sedia ada bagi memperkemas undang-undang yang bersumberkan Islam.

- vi. Mencadangkan supaya cerdik pandai Islam memberi cadangan kepada kerajaan mengenai bentuk institusi ekonomi Islam, tamadun Islam, undang-undang Islam dan lain-lain supaya dapat dikemaskinikan institusi yang sedia ada di negara ini (Abdul Manaf Ahmad, 2004:86).

Namun bagi penulis, pembahagian negara seperti yang dinyatakan oleh ulama silam tidak lagi relevan dengan keadaan sekarang. Konsep negara moden sekarang bukan lagi seperti dalam rangka abad kegemilangan tamadun Islam. Oleh demikian, satu tatanan sistem politik dan negara yang bersesuaian dengan syariat adalah diharuskan walaupun sistem tersebut bukan berasal dari orang Islam. Dengan syarat sistem tersebut dalam lingkungan yang dibenarkan oleh syarak seperti demokrasi yang hangat diperkatakan sebagai salah satu sistem yang terbaik untuk umat Islam mengambil dan menyesuaikan dengan lunas-lunas Islam.

Azyumardi Azra menegaskan bahawa Indonesia bukan negara sekular, juga bukan negara agama. Namun, kewujudan agama diakui dalam kehidupan kenegaraan dan sebaliknya. Negara juga mempunyai peranan penting dalam mendorong kehidupan beragama yang sihat. Menurutnya, negara sekular adalah negara yang memisahkan agama dengan urusan awam dan politik. Misalnya, jika umat beragama, kelompok beragama ingin mendirikan masjid, gereja atau rumah ibadat lain, mereka tidak boleh dibantu oleh negara. Itu adalah masyarakat keagamaan sendiri yang boleh mendirikannya. Malahan simbol-simbol agama tidak boleh masuk ke dalam simbol-simbol kenegaraan dalam pejabat-pejabat milik kerajaan (Azyumardi Azra, 2000:221).

Chandra Muzaffar melihat beberapa kelemahan 'negara yang mengisytiharkan negara Islam seperti Arab Saudi, Pakistan, Sudan, Iran dan lain-lain. Prestasi kebanyakan negara-negara Islam pada dasarnya 'mengecewakan'. Kemiskinan terus berleluasa, taraf kesihatan tidak meningkat, isu-isu seperti buta huruf, kebebasan bersuara, akauntabiliti, rasuah, perpecahan kaum dan kepincangan ekonomi adalah di antara isu-isu yang kritikal. Di samping itu, negara Islam kontemporari

bercanggah dari impian sebuah negara Islam yang ideal dan wujud perbezaan ciri-ciri kenegaraan Islam di antara satu negara dengan negara Islam yang lain disebabkan kefahaman yang berbeza dan perubahan-perubahan yang berlaku di sekitarnya (Chandra Muzafar, 2004).

Kebanyakan para ulama melihat pembahagian negara kepada *dār al-Islām* dan *dār al-Harb* didorong oleh beberapa faktor:

- i. Untuk mengatur kepentingan muslim secara umum sebagai pemimpin dan yang dipimpin di suatu wilayah dalam hubungannya dengan non-muslim yang berada di negara yang sama dan dengan negara yang berdampingan dengannya.
- ii. Sebagai upaya untuk menerapkan hukum Islam, baik bagi umat Islam sendiri maupun non- muslim yang menetap di wilayah Islam.
- iii. Sebagai usaha ahli fiqh untuk menjawab persoalan semasa terutama dalam hubungan negara Islam dengan negara non-muslim dalam berbagai lapangan hidup.

## Kesimpulan

Negara Islam ialah negara yang kekuasaan dan ketenteraannya milik orang Islam, melaksanakan undang-undang Islam, orang Islam bebas mengamalkan ajaran agama tanpa gangguan, bebas mengeluarkan arahan, timbulnya suasana keamanan pada orang Islam dan orang bukan Islam tiada dapat menzahirkan syiar-syiar mereka kecuali dengan izin orang Islam. Mereka mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama sebagai warganegara dalam sebuah negara yang merdeka. Pada hakikatnya negara Islam adalah satu negara madani yang memerintah atas dasar hukum Islam dan berdiri di atas bai'ah dan syura. Para pemimpin dalam negara itu dipilih dari golongan orang-orang yang berkelayakan, kuat memegang amanah, dapat dipercayai dan berpengetahuan luas. Kewajipan para ulama dan sarjana adalah memberi nasihat dan pandangan yang merupakan kewajipan setiap Muslim dalam hal pemerintahan agar ia selari dengan ajaran

Islam. Negara Islam diasaskan atas prinsip syura yang memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih pemimpin dan memberi nasihat serta pendapat kepada pemerintah. Negara Islam merupakan negara yang melindungi kaum yang lemah dan berkebakikan. Ia menguatkuasakan kewajipan zakat dan mengambilnya dari golongan kaya untuk diserahkan kepada orang-orang miskin, anak-anak yatim dan orang-orang yang memerlukan pertolongan. Negara Islam akan menolong orang-orang teraniaya yang akan berjuang bersama golongan yang lemah untuk membebaskan mereka dari penindasan para pemerintah yang tamakkan harta dan kekuasaan. Negara Islam adalah negara yang berdisiplin terhadap prinsip-prinsip dan nilai-nilai akhlak dan tidak menyelewengkan prinsip tersebut.

Dalam mewujudkan landasan baru politik Muslim dan demokrasi Islam maka timbal balik antara golongan Islamis, parti pembangkang, NGO dan pemerintah sangat diperlukan dan kerjasama yang itu akan menguntungkan rakyat. Perbahasan mengenai demokrasi Islam dan perjalanan demokrasi menjanjikan kemungkinan wujudnya sikap demokrasi yang bersifat Islamik dalam amalan politik muslim dengan asas norma sistem bersama yang tulen daripada sudut Islam dan demokrasi yang boleh diterima oleh masyarakat majmuk Malaysia. Keberkesanan dan pelaksanaannya terletak kepada tuntutan rakyat untuk menuntut demokrasi yang lebih telus. Demokrasi yang telus lahir daripada rakyat yang demokratik dan pemimpin yang baik lahir dari umat yang terbaik dan berkualiti. Ini kerana pemimpin adalah cerminan kualiti umat yang sebenar. Demokrasi yang mengutamakan hak asasi, kebebasan dan keadilan tidak bercanggah dengan syariat Islam malahan ia seiring dengan tuntutan maqasid syariah. Bagi menjamin demokrasi yang lebih baik dan bertepatan dengan prinsip Islam, Malaysia memerlukan tranformasi politik yang menepati etika Islam dan berpaksikan ilmu.

Pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam merencanakan lagi pembangunan Islam dengan pihak kerajaan perlu komitmen dan serius dalam melaksanakan program-program Islam dalam semua peringkat dan

demensi. Di samping itu, ia perlu merumus satu sistem negara Islam moden yang boleh menjadi contoh kepada dunia luar dengan mengambilkira bahawa negara Islam juga boleh bangun dan maju seperti negara-negara lain. Pengiytiharhan itu membolehkan pengisian terhadap ajaran dan kehendak Islam di Malaysia diperkembangkan dan dipertingkatkan melalui proses *tadarruj* dan berhikmah. Ia juga perlu memantapkan aspek perundangan kehakiman dan pentadbiran diperkukuhkan dari semasa ke semasa sesuai dengan konsep Negara Islam.

### Bibliografi

- Abdul Halim el-Muhamady. 1992. *kertas Kerja Negara Islam*. Bangi: UKM.
- \_\_\_\_\_.2000."Ciri-ciri Kenegaran Menurut Perspektif Syarak". *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*. (Abdul Monir Yaacob dan Sarina Othman. (Peny.). Kuala Lumpur: IKIM.
- \_\_\_\_\_.2004. "Undang-Undang Islam; Perbandingan dan Penelitian di Beberapa Negara Islam selepas Merdeka". *Risalah*. 2004.
- Abd. Manaf Ahmad. 2004. *Negara Islam : Satu Analisis Perbandingan*. Kuala Lumpur : YADIM.
- Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia.
- Abdul Monir Yaacob. 2000. "Kedudukan dan Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia". *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*. (Abdul Monir Yaacob dan Sarina Othman. (Peny.). Kuala Lumpur: IKIM.
- Abu Sulayman, Abdul Hamid. 1987. *Perhubungan Antarabangsa Menurut Teori Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *al-Alaqt al-Dawliyyah*. Kaherah: Dar al-Fikri al-'Arabi.
- Ahmad al-Fanjari.1999. *Kayfa nahkum bil al-Islam fi Dawlah 'Asriah*, Kaherah: al-Hai'at al-Misriyah al-'Ammah li Kitab.
- Ahmad Azam Abdul Rahman.2001. *Ucapan Dasar ABIM ke 30*, Kuala Lumpur: ABIM.

- Ahmad Ibrahim.1985. "The Position of Islamic in the Modern States". Kertas Kerja Islamic Law Seminar. Kuala Lumpur. 9 Februari 1985.
- \_\_\_\_\_.1988. *Ke Arah Islamisasi Undang-Undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: YADIM.
- \_\_\_\_\_.1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Al-Dusuqi, Sham al-Din Syeikh Muhammad 'Arfah.t.t. *Hasiyyah al-Dusuqi 'ala al-Sharh al-Kabir*. Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Halabi.
- Ali Sadiq Abu Hayf. t.t. *al-Qanun al-'Am*. Iskandariah: Mansu'ah Ma'arif.
- Al-Kasani, 'Ala al-Din Abu Bakr bin Mas'ud.1986. *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'iy*. Beirut: Dar al- Kutub al-'Arabi.
- Al-Mawdudi, Abu al-Ala'.1990. *Sistem Politik Islam*. Jakarta: Penerbit Mizan.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Teori Politik Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd al-Allah bin Muhammad bin Ahmad al-Andalusi.1988. *al-Jami'i al-Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sharkhasi, Abu Bakar Muhammad.1982. *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zuhayli, Wahbah.1989. *al-'Alaqa al-Dawliah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Azyumardi Azra. 2000. *Islam Substantif, Jakarta*: Penerbit Mizan.
- Chandar Muzaffar. 2004. "Wacana Negara Islam", dalam *Risalah,2004*
- Fahmi Huwaidi.1992. *Islam wa Dimuqratiyyah*. Kaherah: Markaz al-Ahram.
- Ibn 'Abidin, Ahmad bin 'Abd al-Ghani.1966. *Hasiyyah Radd Mukhtar 'ala Dar al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad bin 'Ali bin Ahmad bin Sa'id. t.t, *al-Mahalla*. Beirut: Dar al- 'Afaq al-Jadidah.
- Ibn Manzur.t.t. *Lisan al-Arab*, Kaherah : Dar al-Ma'arif.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abu Bakr al-Damshiqi (1997), *al-Ahkam Ahl al-Zimmah*. Beirut : Dar Ibn Hazm.

- Ismail Lutfi.1990. *Iktilaf al-Darayn wa Atharuhu Fi al-Ahkam al-Munakahat wa Mu'amalat*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Jarishah, Ali.1986. *Masru'ah al-Islamiyyah al-Ulya*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Mohamad Nor Yaacob.1996. *Sistem Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Muhamad al-Ghazali. 1988. *Dustur al-Wahdah Thaqafiyah bayn al-Muslimin*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Muhamad al-Sharkhasi, Abu Bakar Muhammad.1982. *al-Mabsut*. Dar al-Ma'rifah: Beirut.
- Muhamad Nur Manuty, t.t. *Islam Dan Demokrasi*, Kuala Lumpur : CELMES
- Qutb, Sayyid.1982. *Fi Zilal al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Razali Nawawi.1992. *Hukum Kesiksaan dalam Sistem Undang-Undang Jenayah Islam*, dalam Zainal Abidin Sakom (ed.) *Politik Hudud Sikap Kita*. Kuala Lumpur: Biro Dakwah Pemuda UMNO.
- Wawancara dengan Pawancheek Merican – Pindaan perkara 121 (1A) hakis kuasa Mahlamah Syariah”. *Siasah*. 20 Januari -2 Februari 2006.
- Yusuf al-Qaradawi.1997. *Min Fiqh al-Dawlah*. Kaherah : Dar al-Shuruq.
- Zaydan, 'Abd al-Karim.1986. *Majmu'ah Buhuth Fiqhiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

## Interview

Rashid al-Ghannoushi di Kusza, Kuala Terengganu pada 7 September 2002